

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' HJ ZULKIPLY BIN RAMLI
KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT**

SEMPENA

**Seminar Home Help Peringkat Zon Timur
Tahun 2015.**

**PADA 19 APRIL 2015
DI HOTEL TANJONG VISTA
KUALA TERENGGANU.**



YBhg. En. Mohd Nasir bin Suratman
Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri
Terengganu

YBrs En Zulkifli bin Ismail
Pengarah Bahagian Komuniti JKM

Y'Bhg. Dato' Shamsiah bt Hussain
Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang

Ybhg. En. Mohd Hazli bin Ahmad
Pengarah Bahagian Pengurusan JKM.

Ybhg. Puan Mumtaj bt Begum
Pengarah Bahagian Kawalan Standard JKM.

En Norazaman bin Abdul Manaf
Pemangku Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri
Kelantan.

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan-rakan media,

Para sukarelawan yang dikasihi sekalian.
Dato'/Tuan/Puan yang saya hormati sekalian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam sejahtera dan salam kebajikan

1. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat ALLAH S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita bersama-sama berada di dalam majlis yang penuh bermakna ini, Majlis Perasmian Penutup Seminar Home Help Peringkat Zon Timur Tahun 2015 pada hari ini.
2. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak khususnya Bahagian Komuniti JKM dan JKM Negeri Terengganu kerana telah berjaya menganjurkan Seminar Home Help Peringkat Zon Timur ini selama dua hari bermula daripada 18 April 2015 sehingga pada hari ini, 19 April 2015.
3. Dikesempatan ini juga saya mengambil peluang untuk merakamkan berbanyak terima kasih terutamanya kepada para sukarelawan Jabatan yang banyak membantu memberi perkhidmatan yang diperlukan oleh golongan sasar JKM terutamanya kepada warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) dalam program Home Help Services ini.

4. Sekali lagi lagi saya zahirkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua para sukarelawan yang sanggup bersama-sama jabatan bersedia menyumbangkan keringat dan kudrat semasa kerajaan menghadapi kejadian bencana luar biasa yang telah melanda negeri-negeri di pantai timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang). Jasa dan pengorbanan tuan/puan tidak terbalas, hanya ALLAH S.W.T jualah yang akan membalaunya.....amin.

Dato' / Tuan / Puan dihormati sekalian,

Sukarelawan JKM

5. Aktiviti kesukarelaan telah lama berkembang di JKM semenjak penubuhan JKM pada tahun 1946 . Pada tahun 1985 JKM telah menyusun dan mengstruktur aktiviti kesukarelaan dengan pewujudan Briged Kebajikan Perdana (BKP). Aktiviti dijalankan oleh BKP lebih memfokuskan kepada membantu kes-kes mangsa bencana dan program kesukarelaan.
6. Pada tahun 2012 BKP telah dijenamakan semula sebagai Sukarelawan Kebajikan (SK). Sukarelawan Kebajikan bertindak sebagai mata dan telinga JKM dalam mengesan kes-kes yang memerlukan perkhidmatan dan diperluaskan kepada membantu jabatan

- dalam pengurusan bencana, melaksanakan program/aktiviti kesukarelaan dalam komuniti dan memberi perkhidmatan kesukarelaan kepada kumpulan sasar Jabatan.
7. Sumbangan sukarelawan amat diperlukan bagi menampung sebahagian perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan khususnya JKM. Sebagai sebuah agensi berorientasikan kebajikan, JKM bertanggungjawab memberi perkhidmatan kepada kumpulan sasar paling besar bermula dari kanak-kanak, orang kurang upaya, warga emas, komuniti, orang papa, mangsa-mangsa bencana, mangsa keganasan rumah tangga dan mangsa-mangsa pemerdagangan orang.

Dato' /Tuan / Puan dihormati sekalian,

8. Banyak kejayaan dicapai oleh Jabatan melalui kerjasama dan sumbangan Sukarelawan Kebajikan. Antaranya;
- Program Kembara Kebajikan yang telah diadakan pada tahun 2014 (4 April – 28 April 2014) telah di iktiraf sebagai program berimpak tinggi dan YAB Timbalan Perdana Menteri mengangkat program ini menjadi program dwi-tahunan untuk dilaksanakan setiap 2 tahun sekali.

- Program Khidmat Bantu Di Rumah @ *Home Help* yang telah menjadi KPI YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada tahun 2013 dan 2014 telah menjadi tanda aras kepada menggerakkan sukarelawan di kalangan komuniti. Program ini berjaya mencapai melebihi sasaran KPI YB Menteri pada tahun 2014 iaitu sebanyak 2,228 klien @ 146% mendapat faedah berbanding sasaran sebenar sebanyak 1,500 klien.

Dato' / Tuan / Puan dihormati sekalian,

**Program Khidmat Bantu Di Rumah @
Home Help Services**

9. Program Home Help ini telah menjadi program berimpak tinggi kepada kerajaan dan sinonim kepada JKM dan Sukarelawan JKM. Program Home Help sangat relevan dengan sukarelawan.
 - Ianya mampu membentuk warga negara Malaysia yang penyayang dan saling hormat menghormati selaras dengan hasrat Wawasan 2020.
 - Sebagai platform terbaik untuk menggalakkan masyarakat terlibat secara aktif dalam kerja-kerja kesukarelaan,

- Mengaktifkan peranan dan fungsi sukarelawan sebagai agen komuniti yang dapat menjadi mata dan telinga kerajaan; dan
 - Ikhtiar kerajaan bagi menggerakkan sukarelawan pada bila-bila masa dalam apa jua keadaan membantu komuniti yang sangat memerlukan pertolongan untuk merealisasikan konsep kebijakan tanggungjawab bersama.
10. Sehingga kini, seramai 6,318 orang warga emas dan OKU mendapat perkhidmatan sukarelawan di bawah program Home Help dan jumlah sukarelawan yang terlibat adalah seramai 1,841 orang. Di Negeri Terengganu, seramai 605 orang warga emas dan OKU mendapat perkhidmatan di bawah program ini dari seramai 188 sukarelawan. Di Negeri Kelantan seramai 1,059 orang warga emas dan OKU mendapat perkhidmatan di bawah program ini dari seramai 290 sukarelawan sementara itu bagi Negeri Pahang seramai 784 orang warga emas dan OKU mendapat perkhidmatan di bawah program ini dari seramai 252 sukarelawan.

Dato' / Tuan / Puan dihormati sekalian,

11. Peranan sukarelawan semakin luas dan mencabar. Sukarelawan dilihat sebagai

mata dan telinga JKM serta mampu menjadi agen perubahan serta penggerak kepada program pembangunan komuniti di kawasan masing-masing. JKM sentiasa menambahbaik program-program pembangunan kesukarelaan bagi memastikan setiap aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dan memenuhi keperluan kumpulan sasar JKM.

12. Sebagai seorang sukarelawan, saya percaya tuan/puan adalah antara anggota komuniti yang mempunyai mempunyai ciri-ciri istimewa iaitu berminat untuk menyumbang dan berkongsi, ada semangat dan kepercayaan pada sesuatu nilai atau idealisme, bertimbangrasa, pengasih, sedia berkorban untuk kepentingan yang lebih besar.
13. Tuan/puan perlu mempunyai ilmu dan sentiasa perlu berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam menguruskan kumpulan sasar JKM. Saya percaya bahawa JKM menyediakan kursus dan latihan yang bersesuaian untuk melengkapkan diri tuan/puan sebagai sukarelawan di bawah JKM. Pelaksanaan kursus serta latihan kepada sukarelawan perlu diselaras dan dilaksanakan di peringkat negeri bagi mengurangkan pergerakan sukarelawan kerana

sukarelawan ini ada yang bekerja dan perlu mendapat pelepasan daripada majikan masing-masing. Adalah menjadi tanggungjawab JKM Negeri merancang dan melaksanakan kursus atau latihan mengikut Garis Panduan dan Kurikulum yang disediakan oleh Ibu pejabat JKM. Institut Sosial Malaysia, Persatuan Gerontologi Malaysia dan Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat (MAKPEM) boleh membantu untuk menyediakan kursus dan latihan kepada para Sukarelawan.

Dato' /Tuan / Puan dihormati sekalian,

14. Pada tahun 2015 sehingga tahun 2018, Program Home Help ini telah dimasukkan dalam Pelan Tranfomasi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan menjadi KPI kepada Ketua Setiausaha KPWKM. Sasaran penerima khidmat Home Help ini adalah seramai 8,880 orang klien menjelang tahun 2018. Ini bermakna setiap tahun mulai tahun 2015 pertambahan bilangan penerima khidmat Home Help ini adalah seramai 640 orang setahun sehingga tahun 2018.
15. Selain daripada itu, pada tahun 2015 ini juga Program Home Help telah mendapat pengiktirafan bagi mewakili KPWKM untuk dicalonkan bagi menyertai Anugerah Inovasi

Perdana Menteri 2015. Anugerah Inovasi Perdana Menteri ini adalah merupakan anugerah terunggul dan berprestij bagi mengiktiraf penghasilan inovasi yang signifikan dan berimpak tinggi kepada negara. Selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk membudayakan inovasi dalam kalangan agensi sektor awam.

16. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Seminar Home Help Peringkat Zon Timur pada hari ini terutamanya Bahagian Komuniti dan JKM Terengganu. Harapan saya semoga segala ilmu dan panduan yang diperolehi dalam bengkel selama dua hari ini akan memberi manfaat kepada semua peserta dan akan dapat diamalkan semasa bertugas di tempat masing-masing.

Dengan lafadz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan rasminya menutup seminar home help peringkat zon timur pada hari ini.

Wabillahitaufikwalhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

sekian, terima kasih.